

1974

KUALA LUMPUR, 21 NOV. (BERNAMA)—KERAJAAN TELAH MENUBUHKAN SEBUAH MAJLIS PENASIHAT HAL EHWAL PELAJARAN UGAMA ISLAM BAGI MENASIHAT MENTERI PELAJARAN TENTANG AJARAN ISLAM DI SEKOLAH.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MENGUMUMKAN DEMIKIAN HARI INI BERKATA TUGAS MAJLIS ITU IALAH MENKKAJI DAN MEMBERI PANDANGAN MENGENAI KARIKULUM PELAJARAN UGAMA ISLAM DAN CARA-CARA PERLAKSANAANNYA DI SEKOLAH-SEKOLAH DI BAWAH TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN PELAJARAN.

MAJLIS ITU JUGA AKAN MEMBERI NASIHAT KEPADA MENTERI MENGENAI CARA-CARA PERLAKSANAAN PELAJARAN UGAMA ISLAM DENGAN CARA YANG LEBIH BERKESAN MENGIKUT DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN SEPERTI YANG ADA DALAM AKTA PELAJARAN TAHUN 1961.

DR. MAHATHIR TELAH BERUCAP MERASMIKAN PEMBUKAAN MESYUARAT DI ANTARA KEMENTERIANNYA DENGAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI MENGENAI PERLAKSANAAN CADANGAN HENDAK MENYERAHKAN URUSAN PELAJARAN UGAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH KEPADA KEMENTERIAN PELAJARAN.

KATANYA, MAJLIS ITU JUGA AKAN MEMBUAT SYOR-SYOR DAN CADANGAN-CADANGAN YANG PRAKTIKAL UNTUK PERKEMBANGAN PELAJARAN UGAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH DAN YAYASAN PELAJARAN DI BAWAH KUASA KEMENTERIAN.

MAJLIS TERSEBUT DIPENGERUSIKAN OLEH KETUA PENGARAH PERTANIAN, TAN SRI HAJI MOHAMAD BIN JAMIL DENGAN ANGGOTA-ANGGOTANYA TERDIRI DARI AHLI CERDIK PANDAI DALAM BIDANG UGAMA DAN ILMU PENDIDIKAN. PERLANTIKAN MEREKA BERKUATKUASA PADA 1 NOVEMBER TAHUN INI DAN BERAKHIR PADA 31 OKTOBER 1976. -- BERSAMBUNG HM 1145

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU ERHARAP DALAM TEMPOH DUA TAHUN MAJLIS ITU AKAN MENLANKAN TUGAS-TUGASNYA DENGAN PENUH BERTANGGUNGJAWAB DAN SEMPERNA.

MENYENTOH TENTANG PENYERAHAN URUSAN PELAJARAN UGAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH KEPADA KEMENTERIANNYA BELIAU BERKATA LANGKAH ITU AKAN DAPAT MENGATASI MASALAH PENTADBIRAN YANG DAHULUNYA MENJADI KESULITAN KEPADA KEDUA-DUA PIHAK KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI DAN KEMENTERIAN PELAJARAN.

DIANTARA MASAALAHNYA IALAH GURU-GURU UGAMA SEKOLAH RENDAH DILANTIK OLEH KERAJAAN NEGERI BERDASARKAN KELULUSAN UGAMA YANG DIAKUI OLEH KERAJAAN NEGERI SAHAJA DAN MEREKA DITEMPATKAN DISEKOLAH-SEKOLAH RENDAH MENGIKUT KADAR PERUNTUKAN GURU YANG DITETAPKAN OLEH KEMENTERIAN PELAJARAN.

MASAALAH YANG KEDUA IALAH MENGENAI PERKARA YANG BERHUBUNG DENGAN LATIHAN PERGURUAN SEPENUH MASA SELAMA DUA TAHUN BAGI GURU-GURU UGAMA SEKOLAH RENDAH SEBELUM DITUGASKAN MENGAJAR DISEKOLAH-SEKOLAH.

BELIAU BERHARAP DENGAN PENYERAHAN URUSAN PELAJARAN UGAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DAPAT MENYELARASKAN PENDIDIKAN PELAJARAN UGAMA ISLAM DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DENGAN PENDIDIKAN UGAMA ISLAM DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAN PENTADBIRANNYA DAPAT DIPERKEMASKAN SEPERTI PENTADBIRAN DALAM BIDANG PELAJARAN YANG LAIN.

ANGGARAN PERBELANJAAN GURU-GURU UGAMA SEKOLAH RENDAH BAGI TAHUN HADAPAN IALAH SEBANYAK \$22 JUTA AKAN DITANGGUNG SEPENUHNYA OLEH KEMENTERIAN PELAJARAN. -- BERNAMA HM

161

635.

MAHATHIR - UGAMA 3 KUALA LUMPUR
(SAMBUNGAN KEPADA BERITA 525)

SENARAI PENUH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT HAL ENHAL
PELAJARAN UGAMA ISLAM TALAH:

PENGERUSI: TAN SRI HAJI MOHAMED BIN JAMIL,

AHLI-AHLI: DATUK SHEIK ABDUL HALIM BIN OTHMAN, BEKAS
YANG DIPERTUA JABATAN UGAMA ISLAM KEDAH, DR. ABDUL HALIM
ISMAIL, DEKAN FAKULTI EKONOMI, UNIVERSITI KEBANGSAAN, USTAZ
SALLEH OSMAN DARI KUALA LUMPUR, DR. ARIFFIN SUHAIMI,
PENSYARAH UNIVERSITI PERTANIAN, HAJI SAAD BIN WALAD, YANG
DIPERTUA JABATAN UGAMA ISLAM PULAU PINANG.

USTAZ DASUKI HAJI AHMAD DARI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, HAJI
AHMAD SHARIF BIN HAJI DAUD, IMAM BESAR MASJID NEGARA
USTAZ MOHAMED YUNUS YATIM, KADI WILAYAH PERSEKUTUAN, PROF.
ZAINAL ABIDIN BIN ABDUL WAHID, PROFESOR SEJARAH, UNIVERSITI
KEBANGSAAN, USTAZ GHAZALI BIN NAWAWI, DEKAN FAKULTI ISLAM,
UNIVERSITI KEBANGSAAN, USTAZAH HAFSAH BINTI ABDUL RAHMAN DARI
KELANG, USTAZAH HAMIDAH BINTI NOR, GURU BESAR TAMAN DIDIKAN
ISLAM KUALA LUMPUR DAN HAJI ABDUL SAMAD BIN NOH, GURU
BESAR, SEKOLAH UGAMA PADANG RENGAS, PERAK. — BERNAMA 1530/
SZ